

10 JAN 1996

Pekan (Fokus Berita)

PEKAN RABU TERUS MEMIKAT PENGUNJUNG ALOR SETAR

Oleh: Mohamad Bakri Darus

ALOR SETAR, 10 Jan (Bernama) -- Di sebalik kewujudan pasaraya-pasaraya moden di bandar ini, Pekan Rabu tetap menjadi pilihan pengunjung sama ada di kalangan masyarakat tempatan mahupun pengunjung dari negeri-negeri lain.

Ini kerana Pekan Rabu menyediakan pelbagai makanan tradisional -- jeruk buah-buahan, rempah ratus, pekasam ikan puyu dan lampan, kuih bahulu, dodol serta karas.

Selain itu, pelbagai barangan juga boleh dibeli di sini seperti emas, perak dan suasa, kain songket dan batik, beg dan peralatan perkahwinan serta kelengkapan sembahyang dan untuk menunaikan Fardu Haji.

Ubat-ubatan tradisional dan barangan kraftangan yang diperbuat daripada rotan, buluh dan mengkuang juga mudah diperolehi di Pekan Rabu.

Seperti Pasar Payang di Kuala Terengganu dan Chowrasta di Pulau Pinang, Pekan Rabu adalah identiti bandar Alor Setar dan kunjungan pelawat ke sini tidak sempurna jika tidak mengunjungi Pekan Rabu.

Kompleks Pekan Rabu setinggi dua tingkat itu, yang tersergam indah di Jalan Tunku Ibrahim di pusat bandar ini, sebenarnya bermula dengan beberapa bangsal beratap nipah pada 1932.

Ia dibina pada 1978 bagi menyediakan ruang niaga yang lebih sempurna untuk para peniaga Melayu. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan bangunan itu, yang meninggalkan banyak kenangan bagi Perdana Menteri.

Bagi mencantikkan lagi kawasan dan ruang niaga Pekan Rabu, Dr Mahathir mencadangkan supaya bangunan itu, yang menempatkan 265 peniaga Melayu, diubahsuai.

Kerja-kerja pengubahsuaian Pekan Rabu menagmbail masa setahun mulai November 1994. Walaupun kini bergelar kompleks, ciri-ciri perniagaan tradisi di Pekan Rabu terus dikekalkan.

Pada Isnin lepas, Dr Mahathir, dalam lawatan sehari ke Kedah, meluangkan masa hampir sejam meninjau pengubahsuaian yang telah siap dilaksanakan.

Semua peniaga di Pekan Rabu, yang meninggalkan bangunan itu pada akhir 1994 untuk berniaga di tapak sementara berikutan kerja-kerja pengubahsuaian bangunan berkenaan, dijangkakan berniaga semula di kompleks itu pada pertengahan bulan ini. Setakat ini sebanyak 30 gerai telah berpindah semua ke kompleks itu.

Sepanjang tempoh pengubahsuaian itu, peniaga berkenaan di tempatkan di arked-arked sementara di tapak letak kereta berhadapan bangunan Pekan Rabu dan di sepanjang Lorong Pekan Rabu.

Kerja-kerja pengubahsuaian bangunan itu yang melibatkan perbelanjaan RM5.8 juta adalah bagi memberikan keselesaan kepada peniagaanya untuk bersaing dalam dunia perniagaan moden yang semakin mencabar.

Namun begitu, persoalannya ialah sejauh mana pengubahsuaian bangunan Pekan Rabu dapat mempengaruhi kaedah urusan niaga para peniagaanya? Mampukah para peniaga Pekan Rabu menjadi model kepada peniaga-peniaga kecil lain di negeri ini?

Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff pernah berkata bagi menjamin urusan niaga yang sistematik, peniaga Pekan Rabu diberi kursus dan dibawa melawat ke beberapa buah pasaraya terkemuka di negara ini untuk meninjau secara lebih dekat bagaimana pengurusan perniagaan sebuah pasaraya dilakukan.

Beliau berharap melalui kursus dan lawatan itu, kualiti perniagaan masing-masing dapat ditingkatkan.

Sementara itu, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Kedah Baharudin Kasim berkata peniaga Pekan Rabu boleh menjadi model kepada peniaga-peniaga kecil lain di negeri ini jika mereka menunjukkan kualiti pengurusan yang tinggi.

Beliau berkata satu jawatankuasa khas terdiri dariipada kalangan peniaga Pekan Rabu dan anggota-anggota korporat perlu ditubuhkan untuk memastikan Kompleks Pekan Rabu terus unggul dan berdaya maju.

Seorang peniaga, Tamrin Abdul Karim, 48, yang menjadi pembuat dan penjual songkok sejak 1970 di Pekan Rabu, menyifatkan pengubahsuaian itu akan memberi semangat baru dalam menarik lebih ramai pelawat ke pusat perniagaan itu.

"Corak perniagaan kini perlu diubah supaya setanding dengan pasaraya termasuk menyusun barangan dengan lebih kemas," katanya.

Aishah Mad, 50, penjual ikan kering dan pekasam sejak 20 tahun lalu, berharap keselesaan ruang niaga yang disediakan itu akan dapat menarik lebih ramai pengunjung ke situ.

Penjual pelbagai kuih tradisional, Roslan Mahmud, 21, yang mewarisi perniagaan itu dari bapanya, pula berkata bahawa perniagaan bercorak pasaraya itu akan memberi kegigihan kepada para peniaga Melayu, terutamanya generasi muda dalam arus perkembangan pesat perniagaan. -- BERNAMA